UMP semak Pelan Strategik 2011-2015 ukur tahap pencapaian

Berita dan foto oleh: WAN AZLEE HAJI WAN ABDULLAH

Dalam memartabatkan pengajian tinggi negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menetapkan empat objektif utama yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 iaitu melahirkan graduan yang berketerampilan, mengenalpasti inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan, meneraju perkhidmatan kepada industri dan masyarakat serta mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

Bagi memantapkan Pelan Strategik ini, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) menganjurkan Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang dihadiri seramai 70 orang staf UMP yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik UMP 2011-2015, Dekan, Ketua Jabatan dan ahli-ahli *High Performance Team* (HiPET).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bengkel ini bertujuan untuk menyemak semula Pelan Strategik UMP 2011-2015 dengan menetapkan sasaran bagi menentukan tahap pencapaian berdasarkan nilai ukuran yang ditetapkan.

"Bengkel turut mengenalpasti inisiatif-inisiatif yang bermasalah dan tindakan pemulihan yang perlu diambil bagi melancarkan pelaksanaan dengan menjajar semula inisiatif Pelan Strategik UMP dengan *Critical Agenda Projects* (CAPs) Pelan Strategik Penggajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi mencapai keselarasan pelaporan data.

"Dalam melicinkan pelaksanaan pelan strategik ini, UMP juga akan mengenal pasti keperluan pengagihan sumber manusia," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Swiss Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur pada 15 April 2013 yang lalu.

Beliau menekankan pentingnya peranan setiap ketua (*Champion*), Sekretariat, Pemudahcara, Ketua Inisiatif dan Ketua CAP dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik UMP dicapai mengikut garis masa yang ditetapkan.

Manakala peranan Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik UMP pula akan menganalisa laporan pencapaian setiap Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Agenda Projek Kritikal (CAPs) serta memantau pelaksanaan inisiatif Pelan Strategik dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Selain itu, Dato' Dr. Daing turut menekankan pentingnya budaya kerja cemerlang dalam merealisasikan agenda universiti dengan berfokuskan strategi, berasaskan nilai dan berpandukan prestasi.

Katanya, laporan hasil bengkel yang disepakati ini akan dimurnikan oleh setiap Champion Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) sebelum dikemukakan laporan penuh kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pihak Lembaga Pengarah Universiti.

Terdapat empat UKRA yang dikenalpasti iaitu, pertama adalah peningkatan kualiti akademik yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz; kedua adalah kelestarian kewangan yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus; ketiga melibatkan pembangunan sosioekonomi yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan keempat melibatkan penjenamaan untuk penjajaran strategik yang masih belum dibuat pelantikan lagi.